



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2026

PEMAKAIAN SURAT ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN BAGI PELAKSANAAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

29 Julai 2026

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.12/2026

PEMAKAIAN SURAT ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN BAGI PELAKSANAAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan mengenai pemakaian Surat Arahan Kawalan Perbelanjaan Kementerian Bagi Pelaksanaan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam bertarikh 12 Mac 2026 kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan termasuk UTeM untuk tidak menganjurkan perayaan rumah terbuka Aidilfitri. Selain itu Jemaah Menteri juga bersetuju agar lawatan atau kunjungan ke luar negara oleh Menteri dan seluruh anggota pentadbiran dihadkan hanya kepada mesyuarat berjadual yang wajib dihadiri.
- 2.2 Keputusan ini dibuat mengambilkira keperluan untuk berwaspada dengan ketidaktentuan impak konflik di Asia Barat yang bakal berlarutan serta tanda hormat kepada mereka yang berdepan dengan kesengsaraan dan kehilangan nyawa di Asia Barat, terutamanya di bumi Palestin dan Iran.
- 2.3 Pegawai Pengawal juga perlu merujuk kepada peraturan perjalanan bertugas rasmi luar negara iaitu Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam PB 3.1 (Kemaskini 2024).

- 2.4 Pegawai Pengawal semua agensi termasuk UTeM melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga selaras dengan Arahan Pelaksanaan Langkah Kecekapan Tenaga Tanpa Kos di Premis Kerajaan melalui surat rujukan JPM.KSN.100-2/2/5 Jld. 64(6) bertarikh 9 April 2023 dan Surat Pekeliling Am Bil.2 Tahun 2014 Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga di Pejabat Dan Premis Kerajaan.
- 2.5 Manakala langkah penjimatan perbelanjaan awam sedia ada yang digunapakai oleh UTeM adalah seperti mana dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil 1/2023 berkenaan Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Arahan kawalan perbelanjaan ini bertujuan untuk semua agensi termasuk UTeM membuat penjimatan dengan tidak menganjurkan majlis hari raya Aidilfitri disamping menghormati negara Islam yang sedang sengsara kesan dari peperangan.
- 3.2 Langkah penjimatan juga dilaksanakan untuk kawalan perjalanan bertugas rasmi luar negara dan penjimatan penggunaan tenaga elektrik.
- 3.3 Inisiatif penjimatan ini diharapkan mengurangkan kos operasi universiti, mengutamakan perbelanjaan kepada aktiviti teras akademik dan pelajar, meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta menyokong usaha Kerajaan dalam memastikan kestabilan fiskal negara.

4.0 PEMAKAIAN DI UTeM

- 4.1 Pelaksanaan langkah penjimatan ini amat penting bagi memastikan kelestarian kewangan universiti serta menyokong dasar dan arahan Kerajaan berkaitan kawalan perbelanjaan.

4.2 UTeM akan menggunapakai Surat Arahan Kawalan Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan merangkumi kawalan perbelanjaan seperti berikut:

- 4.2.1 Menghadkan perjalanan rasmi keluar negara kepada urusan yang benar-benar perlu dan berimpak tinggi sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan kaedah perjalanan yang menjimatkan;
- 4.2.2 Mesyuarat/rundingan berjadual/berkala atau persidangan diluar negara yang telah diluluskan di dalam bajet tahunan dan yang benar-benar penting serta memberi impak yang signifikan kepada kepentingan Universiti;
- 4.2.3 Majlis menandatangani perjanjian diluar negara dibuat secara dalam talian;
- 4.2.4 Menetapkan suhu penghawa dingin kepada sekurang-kurangnya 24°C di semua ruang pejabat dan bilik mesyuarat dan;
- 4.2.5 Memastikan lampu dan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan terutama waktu rehat dan selepas waktu pejabat.

5.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN PENJIMATAN DAN KAWALAN PERBELANJAAN AWAM DARI KPT

5.1 Pihak KPT juga telah mengeluarkan surat bertarikh 9 April 2026 berkenaan pematuhan kepada arahan penjimatan dan kawalan perbelanjaan awam Kementerian / Jabatan / Bahagian / Agensi / Universiti Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi seperti berikut:

- 5.1.1 Pelaksanaan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR): Kaedah pelaksanaan BDR hendaklah dilaksanakan merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPT bertarikh 8 April 2026.
- 5.1.2 Pelaksanaan Mesyuarat Secara Hibrid: Mesyuarat hendaklah diutamakan secara platform dalam talian atau hibrid. Bagi keperluan mengadakan mesyuarat fizikal, kehadiran melibatkan wakil Jabatan / Bahagian / Agensi / Universiti Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) dihadkan seorang (1) wakil sahaja. Manakala wakil yang lain digalakkan hadir secara dalam talian.
- 5.1.3 Penganjuran Program / Aktiviti Menggunakan Fasiliti Awam: Semua penganjuran acara / majlis / keraian rasmi Kerajaan / mesyuarat/ persidangan / seminar / bengkel boleh dilaksanakan di premis yang bersesuaian dengan memberi keutamaan kepada Institusi Latihan Awam (ILA) atau premis / kemudahan sedia ada milik Kerajaan bagi mengelakkan kos sewaan hotel atau premis luar tertakluk kepada peruntukan sedia ada.
- 5.1.4 Urusan Tanpa Kertas dan Digitalisasi Pentadbiran: Selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 9 Februari 2026, penggunaan kertas dalam mesyuarat hendaklah dikurangkan secara drastik bagi menyokong digitalisasi perkhidmatan awam. Semua urusan surat-menyurat dan dokumentasi adalah diwajibkan menggunakan Sistem Digital Document Management System (DDMS) tanpa mengabaikan kaedah pengurusan dokumen terperingkat dan kerahsiaan yang berkuat kuasa selaras Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 5.1.5 Ubahsuai Pejabat / Sewaan Baharu / Pelanjutan Sewaan/ Tambahan Ruang Pejabat / Pembelian Aset: Sebarang cadangan ubahsuai pejabat / sewaan baharu/ pelanjutan

sewaan/ tambahan ruang pejabat / pembelian aset yang tidak diperuntukan dalam belanjawan tahun semasa hendaklah ditangguhkan, kecuali bagi perkara yang benar-benar kritikal dan tidak menjejaskan operasi perkhidmatan dengan kelulusan Pegawai Pengawal.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

6.2 Surat Pekeliling Kewangan ini **berkuat kuasa mulai 25 Mei 2026**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

“KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN”

Saya yang menyalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NA/arahankawalanperbelanjaan2026